

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HPP 302 - Kesenian dalam Islam

Tarikh: 9 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 Jam)

Jawab TIGA(3) soalan sahaja, SATU(1) soalan daripada tiap-tiap Bahagian.

Tiap-tiap Bahagian hendaklah dijawab di dalam buku jawapan yang berasingan.

BAHAGIAN A

SAMA ADA

1. Huraikan secara analitis dan kritis dua(2) daripada pernyataan berikut:

(a) Takrif agama, antara lain dinyatakan sebagai berikut:

"**a supertitious structure of incoherent metaphysical notions**".

Eritnya:

"suatu struktur fahaman yang berkaitan dengan 'takhyul' mengenai metafizika yang tidak jelas".

"Encyclopedia Americana"
edisi (1969)

(b) Dongeng Prometheus dan Pandhora sangat mewarnai corak salah satu daripada bidang seni Barat serta pengaruhnya terhadap kesenian setempat.

- (c) Pengertian "Rab" dan "Ilah" yang mempengaruhi sistem pengabdian (ritual) serta sistem nilai dan norma.
- (d) Fitrah dan akal sebagai potensi ke arah memahami nilai-nilai dan norma, pengaruh luaranlah yang mecemari kedua-duanya. Di samping itu kontradiksi di dalam diri manusia sendiri yang melahirkan tindak tanduk positif atau negatif.

ATAU

2. Bertolak dari apa yang anda faham tentang pandangan Islam dan dengan merujuk kepada beberapa cabang seni seperti seni catan, seni arca dan seni sastera ataupun salah satu daripadanya. Beri komen anda secara kritis mengenai dua(2) daripada pernyataan di bawah ini:

- (a) Kebudayaan ialah cara berfikir dan cara merasa yang dimanifestasikan di dalam seluruh segi kehidupan sekolompok manusia yang membentuk masyarakat di dalam suatu ruang dan waktu, termasuk di dalamnya agama, sebagai salah satu unsur di dalam "cultural universal"
- (b) Sejauh yang berkaitan dengan kealaman (alam tabii) tidak ada suatupun yang layak menjadi simbol atau menduduki tempat Tuhan. Seterusnya tidak mungkin digambarkan figura manusia dan perihalnya secara realistik dan naturalistik.

Sama ada

- (c) "Sensate art" dan "ideational art", kedua-duanya sangat berbeza.

Atau

- (d) Dengan merujuk kepada gambar rajah (Lampiran A),uraikan mengenai salah satu bidang kesenian dari sudut pandangan Islam.
- (e) Manusia adalah "autonomous" di dalam berkebudayaan, dan oleh kerana itu ia bebas melakukan apa saja dengan kekreatifannya, intuisinya dan imiginasinya.

BAHAGIAN B

3. SAMA ADA

- (a) Terdapat keragaman di dalam ciri-ciri utama kesusasteraan Islam di seluruh dunia. Pilih dua(2) atau tiga(3) kesusasteraan masyarakat Islam sama ada dari Arab, Farsi, Indo-Pakistan atau Nusantara dan nyatakan ciri-ciri utama kesusasteraan mereka dengan memberikan contoh-contoh tertentu. Tunjukkan juga ciri-ciri perbezaan antara dua atau tiga kelompok kesusasteraan yang anda berikan.

ATAU

- (b) Nyatakan kepentingan kesusasteraan di dalam pembentukan kebudayaan masyarakat Islam. Mengapa kesusasteraan memainkan peranan yang begitu penting.

BAHAGIAN C

SAMA ADA

4. (a) Bagaimanakah rekabentuk dan agihan rumah-rumah di bandar-bandar tradisional Islam dapat mengatasi masalah susunan masyarakat tanpa mengira keturunan, atau taraf kedudukan.
- (b) Mengapakah terdapat perbezaan pada bentuk-bentuk kubah, menara dan arca di dalam "senibina-senibina Islam" sekarang ini? Berikan contoh-contoh perbezaan itu. Adakah perbezaan-perbezaan itu mencerminkan apa-apa perbezaan yang terdapat di dalam falsafah Islam?

ATAU

5. (a) Selepas zaman Sayyidina Ali(RA), hubungan masjid dengan penginapan pemimpin mula berubah dari model yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. Jelaskan perbezaan-perbezaan yang utama. Apakah kesan dari pembangunan sebegini?
- (b) Untuk tiga(3) daripada perkara-perkara berikut, buat nota ringkas mengenainya:
- i. Gelanggang kosong (court yard)
 - ii. Konsep "privacy" di dalam rekabentuk rumah
 - iii. Allepo
 - iv. Kufa

LAMPIRAN A)

LAMPIRAN AHIERARCHY OF HANDASAH AL SAWT GENRES
